

Dua kanak-kanak maut tertimbus tanah runtuh

FOTO: BERNAMA

KOTA KINABALU - Dua kanak-kanak maut manakala dua dewasa cedera dalam kejadian tanah runtuh menghempap sebuah rumah didiami satu keluarga di Taman Elok, Jalan Bukit Nenas di sini pada Rabu.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Negeri Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Sabah, Misran Bisara berkata, kanak-kanak perempuan, Norain Jaziz, 11, dan kanak-kanak lelaki, Isa Sabri, 2, meninggal dunia di Hospital Queen Elizabeth (HQE) di sini selepas tertimbus dalam kejadian itu.

Beliau berkata, mangsa dewasa yang tertimbus ialah Siti Nur, 28,

mengalami kecederaan patah tangan dan suaminya, Sabri Botong, 28, cedera ringan di kaki kini menerima rawatan di hospital yang sama.

"Bomba menerima panggilan pada jam 8.26 malam dan setibanya di tempat kejadian mendapati berlaku tanah runtuh menghempap sebuah rumah yang didiami sembilan sekeluarga. Lima ahli keluarga selamat.

"Mangsa berusia dua tahun (Isa) telah dihantar untuk mendapatkan rawatan ke hospital (HQE) sebelum pasukan bomba tiba di lokasi kejadian, dua lagi yang tertimbus berjaya dikeluarkan bomba dan orang awam," katanya pada Rabu.

Sementara itu, nenek mangsa, Arisa Barahim, 58, berkata, ketika kejadian dia berada di dapur dan terdengar bunyi deruan air serta berasa gegaran sebelum air dan tanah datang menimpa rumah mereka.

"Siapa tidak sedih anak (Sabri Botong) sama cucu kena begitu, sama-sama orang lain cuba selamatkan mereka tetapi cucu tidak bernasib baik," katanya.

Arisa berkata, dia tinggal di kawasan berkenaan lebih 20 tahun dan rumah yang didiami bersama tiga anak, dua menantu dan tiga cucunya itu baru dibina kira-kira setahun lepas.

- Bernama



Kawasan kejadian tanah runtuh menghempap sebuah rumah setinggalan yang didiami satu keluarga di Taman Elok, Jalan Bukit Nenas.